



**MAJLIS PEMBANGUNAN SUMBER
MANUSIA
(Human Resources Development
Council)
TINGKAT 7, WISMA CHASE PERDANA
OFF JALAN SEMANTAN, BUKIT
DAMANSARA
50490 KUALA LUMPUR**

Tel : 03-20984800

Fax : 03-20935722

PEKELILING MAJIKAN BIL. 13 /2000

**PERATURAN MENGOFFSETKAN BAYARAN BAKI LEVI YANG TERTUNGGAK DAN
FAEDAH DARIPADA TUNTUTAN YANG DILULUSKAN**

1. TUJUAN

- 1.1 Tujuan pekeling ini adalah untuk memaklumkan kepada majikan mengenai mengoffsetkan bayaran levi yang tertunggak dan/atau faedah keatas levi tertunggak yang belum dijelaskan daripada tuntutan yang diluluskan untuk bayaran.

2. LATAR BELAKANG

- 2.1 Buat masa ini, terdapat banyak tuntutan yang dikemukakan oleh majikan tidak boleh diluluskan pembayarannya kerana majikan mempunyai bayaran levi tertunggak yang belum dijelaskan.
- 2.2 Mengikut prosedur biasa, majikan diberi tempoh 30 hari untuk membayar levi yang tertunggak atau faedah yang belum dibayar ini, dan sekiranya kedua-dua levi tertunggak dan faedah ini tidak dijelaskan dalam tempoh tersebut, borang tuntutan yang dikemukakan akan dipulangkan kepada majikan semula. Ini bersesuaian dengan peruntukan seksyen 6(3) Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992 yang antara lain menyebut majikan hilang kelayakan untuk menerima sebarang bantuan kewangan atau faedah lain sekiranya ingkar atau enggan untuk membayar levi dan kehilangan ini adalah berterusan sehingga kesemua tunggakan dan faedah atas levi tertunggak telah dibayar sepenuhnya.
- 2.3 Tujuan seksyen ini diadakan ialah untuk menggalakkan majikan membayar levi dalam tempoh yang ditetapkan dan dengan demikian, sentiasa mempunyai baki levi yang mencukupi untuk menjalani latihan secara berterusan.

3. KELONGGARAN

- 3.1 Demi untuk menggalakkan majikan memberi latihan kepada pekerjaanya secara berterusan dan juga untuk mengelakkan tuntutan geran latihan majikan ditahan, Mesyuarat Ahli Majlis Bil. 2/2000 yang bersidang pada 13 Julai 2000 telah memutuskan bahawa **majikan dibenarkan untuk mengoffsetkan bayaran levi yang tertunggak dan/atau faedah ke atas levi tertunggak yang belum dijelaskan daripada tuntutan yang diluluskan untuk bayaran.**

4. SYARAT KELAYAKAN

- 4.1 Syarat-syarat kelayakan di bawah peraturan ini adalah seperti berikut: -
- (a) amaun levi tertunggak yang dioffsetkan adalah berdasarkan amaun levi bagi bulan terakhir yang dibayar oleh majikan atau yang disahkan oleh majikan sendiri;

- (b) faedah ke atas bayaran levi tertunggak dikira sehingga tarikh tuntutan diproses lengkap; dan
 - (c) tuntutan geran latihan yang diluluskan boleh menampung kesemua bulan levi yang tertunggak dan faedah yang dikenakan.
- 4.2 Amaun yang dibenarkan untuk *dioffsetkan* adalah daripada tuntutan bantuan kewangan melalui geran latihan dan **tidak tuntutan bantuan kewangan daripada bayaran balik kos pembelian komputer, peralatan alat bantuan latihan dan penyediaan kemudahan bilik latihan serta pembelian cakera padat bagi latihan berasaskan komputer (CBT).**
- 5. PENUTUP**
- 5.1 Peraturan ini diadakan bertujuan untuk membolehkan majikan sentiasa berkecenderungan untuk menerima bantuan kewangan di bawah Kumpulan Wang Pembangunan Sumber Manusia.
- 5.2 Ianya juga bertujuan ; -
- 5.2.1 untuk mengelakkan tuntutan geran latihan yang dikemukakan oleh majikan ditahan dan dipulangkan kerana mempunyai masalah levi; dan
 - 5.2.2 untuk menjadikan akaun bayaran levi majikan sentiasa kemaskini (up-to-date).
- 5.3 Mana-mana majikan yang mengemukakan tuntutan palsu semata-mata untuk membayar levi tertunggak atau faedah ke atas bayaran levi tertunggak akan dihadapkan ke mahkamah di bawah seksyen 7 Akta Pembangunan Sumber Manusia, 1992, Akta Pencegahan Rasuah, 1997 atau dilaporkan kepada pihak Polis.
- 5.4 Pekeliling ini berkuatkuasa pada 16 September 2000.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

"LATIHAN BERTERUSAN PEMANGKIN KECEMERLANGAN"

Saya yang menurut perintah,

(AMIRNUDDIN BIN MAZLAN)

Pengarah Kewangan
b.p. Ketua Pengarah
Majlis Pembangunan Sumber Manusia

